

Desakan

BM 02 AUG 1992

Pemuda Batu masalah dalam: PM

(P)
KUALA LUMPUR: Perdana Menteri menganggap tindakan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Batu mendesak Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Alex Lee, meletak jawatan, sebagai 'perkara dalam'.

Dr Mahathir Mohamad enggan mengulas apabila ditanya wartawan mengenai desakan yang dibuat selepas Pemuda Umno Batu meluluskan undi tidak percaya terhadap Lee yang juga Ahli Parlimen Batu.

Lee yang juga Naib Presiden Gerakan, ketika ditemui di sini semalam, berkata beliau tidak akan meletak jawatan, walaupun didesak Pemuda Umno Batu, kerana menurutnya 'hujah bagi desakan itu tidak berasas'.

Katanya, sebagai Ahli Parlimen Batu, beliau bertanggungjawab menjaga kepentingan dan kebajikan penduduk kawasannya dan bukan mengikut telunjuk mana-mana parti politik.

"Perdana Menteri melantik saya sebagai timbalan menteri selepas saya dipilih menjadi Ahli Parlimen oleh penduduk Batu. Jadi, mengapa Pemuda Umno Batu meminta saya meletak jawatan," katanya.

Pada 12 Julai lalu, Pemuda Umno bahaian Batu meluluskan undi tidak percaya terhadap Lee dengan meminta beliau

meletak jawatan sebagai timbalan menteri dan ahli Parlimen kerana didakwa lebih mementingkan persatuan penjaja dan penduduk daripada Umno.

Menurut Lee, hujah itu tidak berasas kerana beliau hanya menjalankan tanggungjawab sebagai ahli Parlimen yang dipilih

menyuarakan rakyat.

Katanya, beliau mendapat sokongan padu daripada rakyat pelbagai kaum, termasuk ahli Umno sendiri, dalam usaha membangunkan kawasan mereka.

Mengenai dakwaan beliau tidak mengemukakan penyata peruntukan wakil rakyat kepada Umno, beliau menjelaskan, tidak pernah menjadi amalan mana-mana wakil rakyat menyerahkan penyata itu kepada parti politik.

"Penyata itu adalah hak saya sebagai ahli Parlimen dan tidak perlu dikemukakan kepada sesiapa. Saya membelanjakannya mengikut undang-undang dan peraturan," katanya.

Menurutnya, kebanyakan permintaan penduduk, seperti bantuan meja, kerusi, kemudahan surau dan rumah ibadat sentiasa dipenuhinya kecuali tuntutan jersi bola-sepak dan kompiang yang memang tidak dibenarkan oleh Kabinet.

Sehubungan itu, Lee berkata, beliau sedia berbincang dengan Pemuda Umno Batu untuk menyelesaikan masalah itu.